

# SIJIL TAKAFUL KEBAKARAN <sup>Tariff</sup> *FIRE TAKAFUL CERTIFICATE <sup>Tariff</sup>*

## **Pendahuluan Kontrak Takaful Pengguna (Takaful sepenuhnya yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion)** **Preamble for Consumer Takaful Contracts (Takaful wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession)**

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari caruman yang ditentukan dalam Jadual Sijil dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Peserta berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Peserta dan **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Peserta atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Peserta, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

*This Certificate is issued in consideration of the contribution made as specified in the Certificate Schedule and pursuant to the answers given in the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this takaful) and any other disclosures made by the Participant between the time of submission of the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this takaful) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by the Participant shall form part of this contract of takaful between the Participant and **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (hereinafter called "the Takaful Operator"). However, in the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to the Participant's answers or in any disclosures given by the Participant, only the remedies in Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013 will apply.*

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang telah dipersetujui antara Peserta dan pihak Pengendali Takaful. *This Certificate reflects the terms and conditions of the contract of takaful as agreed between the Participant and the Takaful Operator.*

## **Pendahuluan Kontrak Takaful Komersial (Takaful bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion)** **Preamble for Non - Consumer Takaful Contracts (Takaful for purposes related to your trade, business or profession)**

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari caruman yang ditentukan dalam Jadual Sijil dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Peserta berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Peserta dan **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Peserta atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Peserta, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Peserta, keengganan atau pengurangan ganti rugi Peserta, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful Peserta.

*This Certificate is issued in consideration of the contribution made as specified in the Certificate Schedule and pursuant to the answers given in the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) and any other disclosures made by the Participant between the time of submission of the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by the Participant shall form part of this contract of Takaful between the Participant and **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (hereinafter called "the Takaful Operator"). In the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to the Participant's answers or in any disclosures made by the Participant, it may result in avoidance of the Participant's contract of Takaful, refusal or reduction of the Participant's claim(s), change of terms or termination of the Participant's contract of Takaful.*

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang telah dipersetujui antara Peserta dan pihak Pengendali Takaful. *This Certificate reflects the terms and conditions of the contract of Takaful as agreed between the Participant and the Takaful Operator.*

Sekiranya terdapat baki dalam Akaun Pelaburan Risiko Am (**APRA**) yang tidak mencukupi untuk membayar bagi manfaat-manfaat Takaful Anda semasa Tempoh Takaful, Kami akan membuat keseimbangan dalam **APRA** di bawah kontrak Qard (pinjaman) jika kekurangan bukan disebabkan oleh kecuaihan Kami. Walau bagaimanapun jika kekurangan tersebut disebabkan oleh kecuaihan Kami, Kami akan membuat pindahan secara langsung. Anda seterusnya bersetuju bahawa lebihan masa depan Anda yang diperolehi daripada **APRA** semasa Tempoh Takaful Anda boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam **APRA** (jika ada) kepada Kami.

*In the event of insufficient balance in General Risk Investment Account (**GRIA**) to pay for Your Takaful Benefits during the Period of Takaful, We will make good the balance in the **GRIA** under the principle of Qard (loan) provided that the insufficiency is not due to Our negligence. If the insufficiency is due to Our negligence, We will make an outright transfer for the insufficiency. You further agree that Your future surplus arising from the **GRIA** during Your Takaful period can be used to pay for outstanding Qard in **GRIA** (if any) to Us.*

**PENGENDALI TAKAFUL BERSETUJU** tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini atau diendorskan atau selainnya dinyatakan di sini kemudiannya bahawa jika Harta Benda Yang Dilindungi yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut atau mana-mana bahagian daripada harta sedemikian itu musnah atau rosak disebabkan oleh **KEBAKARAN** atau **KILAT** dalam Tempoh Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual atau dalam mana-mana tempoh yang berikutnya yang mana Peserta telah membayar dan Pengendali Takaful telah menerima caruman yang dikehendaki bagi pembaharuan Sijil ini, Pengendali Takaful akan membayar atau memenuhi bayaran kepada Peserta akan nilai Harta Benda Yang Dilindungi pada masa berlakunya kemusnahan atau amaun kerosakan yang sedemikian.

**THE TAKAFUL OPERATOR AGREES** subject to the Terms and Conditions contained herein or endorsed or otherwise expressed hereon that if the Property Covered described in the said Schedule or any part of such property be destroyed or damaged by **FIRE** or **LIGHTNING** during the Period of Takaful stated in the Schedule or of any subsequent period in respect of which the Participant shall have made and the Takaful Operator shall have accepted the contribution required for the renewal of this Certificate, the Takaful Operator will pay or make good to the Participant the value of the Property Covered at the time of the happening of its destruction or the amount of such damage.

**DENGAN SYARAT BAHAWA** liabiliti Pengendali Takaful hendaklah dalam apa jua keadaan yang berhubung dengan setiap satu butiran tidak melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut yang dilindungi atau Keseluruhan Jumlah Dilindungi ini pada keseluruhannya atau jumlah yang lain yang boleh digantikan secara pengendorsan ke atasnya atau dilampirkan bersamanya yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful.

**PROVIDED THAT** the liability of the Takaful Operator shall in no case exceed in respect of each item the sum expressed in the Schedule to be covered thereon or in the whole the Total Sum Covered hereby or such other sum or sums as may be substituted therefor by endorsement hereon or attached hereto signed by or on behalf of the Takaful Operator.

**DENGAN SYARAT SENTIASA** pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan terma, syarat dan pengendorsan Sijil ini setakat yang ia berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Peserta hendaklah menjadi syarat duluan kepada sebarang liabiliti Pengendali Takaful untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.

**PROVIDED ALWAYS** that the due observance and fulfilment of the terms, conditions and endorsements of this Certificate in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Participant shall be conditions precedent to any liability of the Takaful Operator to make any payment under this Certificate.

## **KEWAJIPAN PENDEDAHAN DUTY OF DISCLOSURE**

### **1. Bagi Kontrak Takaful Pengguna Consumer Takaful Contracts**

Apabila Peserta telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, Peserta mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon takaful ini) iaitu Peserta perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Peserta, keengganan atau pengurangan gantirugi Peserta, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Peserta selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

*Where the Participant has applied for this Takaful wholly for purposes unrelated to the Participant's trade, business or profession, the Participant has a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when the Participant applied for this takaful) i.e. the Participant should have answered the questions fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of the Participant's contract of takaful, refusal or reduction of the Participant's claim(s), change of terms or termination of the Participant's contract of takaful in accordance with the remedies in Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013.*

Peserta juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Peserta tahu akan mempengaruhi keputusan pihak Pengendali Takaful dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

*The Participant is also required to disclose any other matter that the Participant knows to be relevant to the Takaful Operator's decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.*

Peserta juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Pengendali Takaful dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Peserta ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Pengendali Takaful, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

*The Participant also has a duty to tell the Takaful Operator immediately if at any time after the Participant's contract of takaful has been entered into, varied or renewed with the Takaful Operator any of the information given in the Proposal Form (or when the Participant applied for this takaful) is inaccurate or has changed.*

### **Bagi Kontrak Takaful Komersial For Non-Consumer Takaful Contracts**

Apabila Peserta telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, Peserta mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Peserta tahu yang akan mempengaruhi keputusan Pengendali Takaful dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful Peserta, keengganan atau pengurangan gantirugi Peserta, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Peserta.

*Where the Participant has applied for this Takaful wholly for purposes related to the Participant's trade, business or profession, the Participant has a duty to disclose any matter that the Participant knows to be relevant to the Takaful Operator's decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant otherwise it may result in avoidance of the Participant's contract of takaful, refusal or reduction of the Participant's claim(s), change of terms or termination of the Participant's contract of takaful.*

Peserta juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Pengendali Takaful dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Peserta ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Pengendali Takaful, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

*The Participant also has a duty to tell the Takaful Operator immediately if at any time after the Participant's contract of takaful has been entered into, varied or renewed with the Takaful Operator any of the information given in the Proposal Form (or when the Participant applied for this takaful) is inaccurate or has changed.*

2. Tidak ada bayaran berhubung dengan apa-apa caruman boleh dianggap sebagai bayaran kepada pihak Pengendali Takaful kecuali resit dalam bentuk bercetak yang ditandatangani oleh seorang pegawai atau Ejen yang dilantik secara sah oleh Pengendali Takaful telah diberikan kepada Peserta.

*No contribution shall be deemed to be made to the Takaful Operator unless a printed form of receipt for the same signed by an Official or duly appointed Agent of the Takaful Operator shall have been given to the Participant.*

3. Peserta hendaklah memberi notis kepada Pengendali Takaful mengenai apa-apa Takaful yang telah berkuatkuasa, atau yang mungkin kemudiannya dikuatkuasakan, yang melindungi mana-mana harta yang dengan ini dilindungi. Notis sedemikian hendaklah diberikan dan disahkan oleh Pengendali Takaful di dalam Sijil ini sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan.

*The Participant shall give notice to the Takaful Operator of any Takaful or Takafuls already effected, or which may subsequently be effected, covering any of the property hereby covered. Such notice should be given and endorsed by the Takaful Operator in this Certificate before the occurrence of any loss or damage.*

4. Semua Takaful di bawah Sijil ini:  
*All Takaful under this Certificate:*
- (a) ke atas mana-mana bangunan atau bahagian mana-mana bangunan,  
*on any building or part of any building,*
  - (b) ke atas mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,  
*on any property contained in any building,*
  - (c) ke atas sewa atau berkenaan subjek Takaful selainnya berhubung dengan atau yang berkaitan dengan mana-mana bangunan atau mana-mana harta yang terkandung di dalam mana-mana bangunan,  
*on rent or other subject matter of Takaful in respect of or in connection with any building or any property contained in any building,*
- hendaklah terhenti dengan serta merta apabila runtuh atau berubahnya tempat:  
*shall cease immediately upon any fall or displacement:*
- (i) bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya,  
*of such building or of any part thereof,*
  - (ii) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana deretan bangunan atau mana-mana struktur yang membentuk bangunan tersebut.  
*of the whole or any part of any range of buildings or of any structure of which such building forms part.*

DENGAN SYARAT bahawa runtuhnya atau berubahnya tempat itu merupakan keseluruhan atau merupakan sebahagian besar atau bahagian penting bangunan tersebut atau mengurangkan kebergunaan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau membiarkan bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripada bangunan tersebut atau mana-mana harta yang terkandung di dalamnya terdedah kepada risiko kebakaran yang meningkat atau yang selainnya adalah material.

*PROVIDED that such fall or displacement is of the whole or a substantial or important part of such building or impairs the usefulness of such building or any part thereof or leave such building or any part thereof or any property contained therein subject to increased risk of fire or is otherwise material.*

DAN DENGAN SYARAT bahawa runtuhnya atau berubahnya tempat tersebut bukan disebabkan oleh kebakaran, kerugian atau kerosakan yang mana dilindungi oleh Sijil ini atau akan dilindungi jika bangunan tersebut, deretan bangunan atau strukturnya dilindungi di bawah Sijil ini.

*AND PROVIDED that such fall or displacement is not caused by fire, loss or damage by which is covered by this Certificate or would be covered if such building, range of buildings or structure were covered under this Certificate.*

Dalam sebarang tindakan, guaman atau prosiding lain, beban membuktikan bahawa sebarang keruntuhan atau perubahan tempat adalah disebabkan oleh kebakaran seperti yang tersebut terdahulu hendaklah terletak ke atas Peserta.

*In any action, suit or other proceeding, the burden of proving that any fall or displacement is caused by fire as aforesaid shall be upon the Participant.*

5. (1) Takaful ini tidak melindungi:  
*This Takaful does not cover:*
- (a) Kerugian oleh sebab kecurian semasa atau selepas berlakunya sesuatu kebakaran.  
*Loss by theft during or after the occurrence of a fire.*
  - (b) Kerugian atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan [kecuali seperti yang boleh diperuntukkan selaras dengan Syarat 8(f)] atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan.  
*Loss or damage to property occasioned by its own fermentation, natural heating or spontaneous combustion [except as may be provided in accordance with Condition 8(f)] or by its undergoing any heating or drying process.*
  - (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau yang disebabkan menerusi atau akibat:  
*Loss or damage occasioned by or through or in consequence of:*
    - (i) Pembakaran harta dengan perintah pihak berkuasa awam  
*The burning of property by order of any public authority*
    - (ii) Kebakaran bawah tanah  
*Subterranean Fire*
  - (d) Kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang merupakan akibat atau yang antaranya disebabkan oleh bahan senjata nuklear.  
*Loss or damage directly or indirectly caused by or arising from or in consequence of or contributed to by nuclear weapons material.*
- (2) Takaful ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi Syarat 5(2) ini sahaja pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.  
*This Takaful does not cover loss or damage directly or indirectly caused by or arising from or in consequence of or contributed to by ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purposes of this Condition 5(2) only combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.*
6. Takaful ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut, iaitu:  
*This Takaful does not cover any loss or damage occasioned by or through or in consequence, directly or indirectly, of any of the following occurrences, namely:*
- (a) Gempa bumi, letupan gunung berapi atau konvulsi alam semula jadi lain.  
*Earthquake, volcanic eruption or other convulsion of nature.*
  - (b) Taufan, hurikan, puting beliung, siklon atau gangguan atmosfera yang lain.  
*Typhoon, hurricane, tornado, cyclone or other atmospheric disturbance.*
  - (c) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.  
*War, invasion, act of foreign enemy, hostilities or warlike operations (whether war be declared or not) or civil war.*

- (d) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insurreksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa tentera, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan.  
*Mutiny, riot, military or popular rising, insurrection, rebellion, revolution, military or usurped power, martial law or state of siege or any of the events or causes which determine the proclamation or maintenance of martial law or state of siege.*
- (e) Sebarang tindakan keganasan  
*Any act of terrorism*

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

*For this purpose an act of terrorism means an act, including but not limited to the use of force or violence and/or the threat thereof, of any person or group (s) of persons, whether acting alone or on behalf of or in connection with any organisation(s) or government(s), committed for political, religious, ideological or similar purposes including the intention to influence any government and/or to put the public, or any section of the public, in fear.*

Apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau yang disebabkan menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, daripada sebarang peristiwa tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil ini, melainkan Peserta hendaklah membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

*Any loss or damage happening during the existence of abnormal conditions (whether physical or otherwise) which are occasioned by or through or in consequence, directly or indirectly, of any of the said occurrences shall be deemed to be loss or damage which is not covered by this Certificate, except to the extent that the Participant shall prove that such loss or damage happened independently of the existence of such abnormal conditions.*

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain apabila Pengendali Takaful mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan syarat ini apa-apa kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil ini, beban membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi hendaklah terletak pada Peserta.

*In any action, suit or other proceeding where the Takaful Operator alleges that by reason of the provisions of this condition any loss or damage is not covered by this Certificate, the burden of proving that such loss or damage is covered shall be upon the Participant.*

7. Sijil ini tidak melindungi sebarang liabiliti terhadap:  
*This Certificate does not cover any liability for:*
- Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh pencemaran (kecuali dilindungi) melainkan kemusnahan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi disebabkan oleh  
*Loss or destruction or damage caused by pollution or contamination except (unless otherwise excluded) destruction of or damage to the property covered caused by*
- (a) pencemaran yang dengan sendirinya disebabkan oleh suatu kontingensi yang dengan ini dilindungi,  
*pollution or contamination which itself results from a contingency hereby covered against,*
  - (b) sebarang kontingensi yang dengan ini dilindungi yang secara sendirinya disebabkan oleh pencemaran.  
*any contingency hereby covered against which itself results from pollution or contamination.*
8. Kecuali dinyatakan dengan jelas di dalam Sijil ini, Sijil ini tidak melindungi:  
*Unless otherwise expressly stated in this Certificate, this Certificate does not cover:*
- (a) Barangan yang dipegang sebagai amanah atau atas komisen.  
*Goods held in trust or on commission.*
  - (b) Bulion atau batu permata belum berikat.  
*Bullion or unset precious stones.*
  - (c) Apa-apa barangan yang ganjil atau hasil kerja seni bagi amaun yang melebihi RM500.00  
*Any curiosity or work of art for an amount exceeding RM500.00.*
  - (d) Manuskrip, pelan, lukisan, atau reka bentuk, corak, model atau acuan.  
*Manuscripts, plans, drawings, or designs, patterns, models or moulds.*
  - (e) Sekuriti, obligasi, atau dokumen apa pun bentuknya, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer.  
*Securities, obligations, or documents of any kind, stamps, coins or paper money, cheques, books of account or other business books, or computer systems records.*
  - (f) Arang batu, terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pembakaran spontannya.  
*Coal, against loss or damage occasioned by its own spontaneous combustion.*
  - (g) Bahan letupan  
*Explosives*
  - (h) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat letupan; tetapi kerugian atau kerosakan oleh sebab letupan dandang domestik dan gas yang digunakan untuk tujuan menerangi atau domestik dalam sesebuah bangunan yang mana gas tidak dijana dan tidak membentuk sebahagian daripada sebarang kerja melibatkan gas, akan dianggap sebagai kerugian yang disebabkan oleh kebakaran sebagaimana yang dimaksudkan dalam Sijil ini.  
*Any loss or damage occasioned by or through or in consequence of explosion; but loss or damage by explosion of domestic boilers and gas used for illuminating or domestic purposes in a building in which gas is not generated and which does not form part of any gas works, will be deemed to be loss by fire within the meaning of this Certificate.*
  - (i) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran, sama ada tidak sengaja atau sebaliknya, ke atas hutan, belukar, lalang, prairi, pampas atau rimba, dan pembersihan tanah dengan membakar.  
*Any loss or damage occasioned by or through or in consequence of the burning, whether accidental or otherwise, of forests, bush, lalang, prairie, pampas or jungle, and the clearing of lands by fire.*

9. Di bawah mana-mana keadaan yang berikut Sijil ini terhenti diguna pakai berhubung dengan harta yang berkenaan kecuali sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan Peserta telah mendapatkan kebenaran Pengendali Takaful yang dibuktikan dengan pengendorsan ke atas Sijil ini, oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful:  
*Under any of the following circumstances this Certificate ceases to attach as regards the property affected unless the Participant, before the occurrence of any loss or damage, obtains the sanction of the Takaful Operator signified by endorsement upon the Certificate, by or on behalf of the Takaful Operator:*
- (a) Jika perniagaan atau perusahaan yang dijalankan diubah, atau jika bentuk penghunian atau hal keadaan lain yang mempengaruhi bangunan yang dilindungi atau yang mengandungi harta benda yang dilindungi ditukar sedemikian rupa menyebabkan meningkatnya risiko kerugian atau kerosakan oleh kebakaran.  
*If the trade or manufacture carried on be altered, or if the nature of the occupation of or other circumstances affecting the building covered or containing the covered property be changed in such a way as to increase the risk of loss or damage by fire.*
  - (b) Jika bangunan yang dilindungi atau yang mengandungi harta benda yang dilindungi tidak dihuni dan berkekalan sedemikian melebihi (30) hari.  
*If the building covered or containing the covered property becomes unoccupied and so remains for a period of more than thirty (30) days.*
  - (c) Jika harta benda yang dilindungi dipindahkan ke mana-mana bangunan atau tempat selain daripada tempat yang dinyatakan di sini dilindungi.  
*If property covered be removed to any building or place other than that in which it is herein stated to be covered.*
  - (d) Jika kepentingan ke atas harta benda yang dilindungi berpindah daripada Peserta selain daripada dengan wasiat atau kuatkuasa undang-undang.  
*If the interest in the property covered pass from the Participant otherwise than by will or operation of law.*
  - (e) Jika notis untuk keluar telah dikeluarkan dengan perintah Pihak Berkuasa tempatan bagi rekuisasi atau pengambilan tanah yang di atasnya terletak harta Peserta.  
*If a notice to quit by any order by the local Authorities for the requisition or acquisition of the land on which the Participant's property is situated has been issued.*
10. Sijil ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan pada harta yang, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan sedemikian, dilindungi oleh Sijil-Sijil Marin atau Polisi-Polisi Marin melainkan yang berhubung dengan sebarang lebihan yang melebihi amaun yang seharusnya dibayar di bawah Sijil-Sijil Marin atau Polisi-Polisi Marin sekiranya Sijil ini tidak berkuatkuasa.  
*This Certificate does not cover any loss or damage to property which, at the time of the happening of such loss or damage, is covered by or would, but for the existence of this Certificate, be covered by any Marine Certificate(s) or Policy(s) except in respect of any excess beyond the amount which would have been payable under the Marine Certificate(s) or Policy(s) had this Certificate not been effected.*
11. Sijil ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta, dalam hal ini Pengendali Takaful akan mengenakan kadar caruman pro-rata bagi tempoh sijil tersebut telah berkuatkuasa. Sijil ini juga boleh ditamatkan atas pilihan Pengendali Takaful dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta di alamatnya yang terakhir yang diketahui, dalam hal ini Pengendali Takaful hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik apabila dituntut suatu perkadaran setimpal caruman bagi tempoh yang masih belum tamat dari tarikh pembatalan. Jumlah yang akan dikembalikan setelah penamatan sijil hendaklah tertakluk kepada caruman pro-rata yang akan dikenakan oleh Pengendali Takaful.  
*This Certificate may be terminated at any time at the request of the Participant, in which case the Takaful Operator will retain the pro-rated contribution for the time the Certificate has been in force. This Certificate may also be terminated at the option of the Takaful Operator by sending fourteen (14) days notice by registered letter to the Participant at his last known address, in which case the Takaful Operator shall be liable to return on demand a rateable proportion of the contribution for the unexpired term from the date of cancellation. The amount to be refunded upon termination of the Certificate shall be subject to the pro-rated contribution to be retained by the Takaful Operator.*
12. Apabila berlakunya sebarang kerugian atau kerosakan, Peserta hendaklah dengan serta merta memberi notis kepada Pengendali Takaful dan hendaklah dalam masa 15 hari selepas kerugian atau kerosakan tersebut, atau lanjutan masa tertentu yang dibenarkan oleh Pengendali Takaful secara bertulis, menyerahkan kepada Pengendali Takaful:  
*On the happening of any loss or damage the Participant shall forthwith give notice thereof to the Takaful Operator and shall within 15 days after the loss or damage, or such further time as the Takaful Operator may in writing allow in that behalf, deliver to the Takaful Operator:*
- (a) Tuntutan secara bertulis bagi kerugian dan kerosakan yang mengandungi butir-butir lengkap seberapa yang boleh semua barang-barang yang rosak atau harta benda yang musnah, dan amaun kerugian atau kerosakan, dengan mengambil kira nilai semasa kerugian atau kerosakan tersebut, tidak termasuk apa-apa jenis keuntungan.  
*A claim in writing for the loss and damage containing as particular an account as may be reasonably practicable of all the several articles or items of property damaged or destroyed, and of the amount of the loss or damage thereto respectively, having regard to their value at the time of the loss or damage, not including profit of any kind.*
  - (b) Butir-butir tentang semua Takaful atau Insurans lain, jika ada.  
*Particulars of all other Takaful or Insurance, if any.*

Peserta hendaklah juga pada setiap masa atas perbelanjaannya sendiri mengemukakan, mendapatkan dan memberikan kepada Pengendali Takaful selanjutnya semua butiran, pelan, spesifikasi, buku, baucar, invoice, pendua atau salinannya, dokumen, bukti dan maklumat berhubung dengan tuntutan serta punca dan sebab kebakaran tersebut dan keadaan bagaimana kerugian atau kerosakan itu berlaku, dan apa-apa perkara yang menyentuh liabiliti atau amaun liabiliti Pengendali Takaful sebagaimana yang mungkin dikehendaki secara munasabah oleh atau bagi pihak Pengendali Takaful berserta dengan suatu perisytiharan secara bersumpah atau dalam bentuk perundangan tentang kebenaran tuntutan tersebut dan tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengannya.  
*The Participant shall also at all times at his own expense produce, procure and give to the Takaful Operator all such further particulars, plans, specifications, books, vouchers, invoices, duplicates or copies thereof, documents, proofs and information with respect to the claim and the origin and cause of the fire and the circumstances under which the loss or damage occurred, and any matter touching the liability or the amount of the liability of the Takaful Operator as may be reasonably required by or on behalf of the Takaful Operator together with a declaration on oath or in other legal form of the truth of the claim and of any matters connected therewith.*

Tiada tuntutan di bawah Sijil ini akan dibayar kecuali terma kepada Syarat ini telah dipatuhi.  
*No claim under this Certificate shall be payable unless the terms of this Condition have been complied with.*

13. Perlindungan Takaful di bawah Sijil ini diperluaskan untuk memasukkan:  
*The Takaful cover under this Certificate extends to include:*
- (a) Upah pekerja Peserta selain daripada anggota Pasukan Bomba sepenuh masa.  
*Wages of the Participant's employees other than full-time members of a Works Fire Brigade.*
  - (b) Kos penggantian alat pemadam api dan kemusnahan atau kerosakan bahan-bahan (termasuklah pakaian pekerja dan barang kegunaan sendiri) kecuali selainnya dilindungi secara khusus.  
*The cost of replacement of fire fighting appliances and destruction of or damage to materials (including employees' clothing and personal effects) unless otherwise specifically covered.*
  - (c) Bayaran Pasukan Bomba.  
*Fire Brigade charges.*

Dengan syarat bahawa tanggungan Pengendali Takaful berhubung dengan upah, kos dan bayaran sedemikian hendaklah dihadkan kepada yang perlu dan patut ditanggung dalam memadamkan kebakaran di tempat atau yang bersebelahan dengan tempat terletaknya harta benda yang dilindungi oleh Sijil ini atau yang secara nyata mengancam untuk membabitkan harta sedemikian.

*Provided always that the liability of the Takaful Operator in respect of such wages, costs and charges shall be limited to those necessarily and reasonably incurred in extinguishing fires at or adjoining the situation of the property covered by this Certificate or immediately threatening to involve such property.*

14. Apabila berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta benda yang dilindungi oleh Sijil ini, Pengendali Takaful boleh:

*On the happening of any loss or damage to any of the property covered by this Certificate, the Takaful Operator may:*

- (a) Memasuki dan mengambil dan mengekal milik bangunan atau premis di mana kerugian atau kerosakan itu telah berlaku.  
*Enter and take and keep possession of the building or premises where the loss or damage has happened.*
- (b) Mengambil milik atau menghendaki diserahkan kepadanya mana-mana harta Peserta di dalam bangunan atau di atas premis semasa kerugian atau kerosakan itu.  
*Take possession of or require to be delivered to it any property of the Participant in the building or on the premises at the time of the loss or damage.*
- (c) Mengekal milik mana-mana harta sedemikian dan memeriksa, menyusun, mengatur, memindahkan, atau selainnya begitu juga.  
*Keep possession of any such property and examine, sort, arrange, remove or otherwise deal with the same.*
- (d) Menjual mana-mana harta atau melupuskannya bagi akaun mereka yang berkenaan.  
*Sell any such property or dispose of the same for account of whom it may concern.*

Kuasa yang diberikan oleh Syarat ini hendaklah digunakan oleh Pengendali Takaful pada bila-bila masa sehingga notis bertulis diberikan oleh Peserta bahawa beliau tidak membuat apa-apa tuntutan di bawah Sijil ini atau, jika apa-apa tuntutan dibuat, sehingga tuntutan sedemikian akhirnya ditentukan secara muktamad atau ditarik balik, dan Pengendali Takaful tidak boleh sama sekali melalui tindakannya dalam menjalankan atau bermaksud menjalankan kuasanya di bawah ini, menanggung apa-apa liabiliti kepada Peserta atau mengurangkan haknya untuk bergantung pada mana-mana syarat Sijil ini bagi memenuhi apa-apa tuntutan.

*The powers conferred by this Condition shall be exercisable by the Takaful Operator at any time until notice in writing is given by the Participant that he makes no claim under the Certificate or, if any claim is made, until such claim is finally determined or withdrawn, and the Takaful Operator shall not by any act done in the exercise or purported exercise of its powers hereunder, incur any liability to the Participant or diminish its right to rely upon any of the conditions of this Certificate in answer to any claim.*

Jika Peserta atau mana-mana orang bagi pihaknya tidak mematuhi kehendak Pengendali Takaful atau menghalang atau menyekat Pengendali Takaful dalam menjalankan kuasanya di bawah ini, segala manfaat di bawah Sijil ini hendaklah dilucut hak.

*If the Participant or any person on his behalf shall not comply with the requirements of the Takaful Operator or shall hinder or obstruct the Takaful Operator in the exercise of its powers hereunder, all benefits under this Certificate shall be forfeited.*

Peserta tidak berhak dalam apa-apa keadaan untuk meninggalkan mana-mana harta kepada Pengendali Takaful sama ada telah diambil milik oleh Pengendali Takaful atau tidak.

*The Participant shall not in any case be entitled to abandon any property to the Takaful Operator whether taken possession of by the Takaful Operator or not.*

15. Jika tuntutan dibuat terdapat penipuan dari mana-mana segi, atau jika sebarang perisytiharan palsu dibuat atau digunakan bagi menyokongnya, atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Peserta atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihaknya bagi mendapatkan sebarang manfaat di bawah Sijil ini; atau, jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh tindakan sengaja, atau Peserta tidak ambil peduli; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan suatu tindakan atau guaman tidak dimulakan dalam masa tiga (3) bulan selepas penolakan sedemikian, atau (dalam hal suatu Timbangtara yang mengambil tempat mengikut Syarat ke-22 Sijil ini) dalam masa tiga (3) bulan selepas Penimbangtara atau Wasit telah memberikan penganugerahan mereka, segala manfaat di bawah Sijil ini hendaklah dilucut hak.

*If the claim be in any respect fraudulent, or if any false declaration be made or used in support thereof, or if any fraudulent means or devices are used by the Participant or any one acting on his behalf to obtain any benefit under this Certificate; or, if the loss or damage be occasioned by the wilful act, or with the connivance of the Participant: or, if the claim be made and rejected and an action or suit be not commenced within three (3) months after such rejection, or (in the case of an Arbitration taking place in pursuance of Condition 22 of this Certificate) within three (3) months after the Arbitrator or Arbitrators or Umpire shall have made their award, all benefit under this Certificate shall be forfeited.*

16. Pengendali Takaful boleh atas pilihannya memulihkan semula atau menggantikan harta yang rosak atau musnah, atau mana-mana bahagiannya, sebagai pilihan daripada membayar amaun kerugian atau kerosakan itu, atau boleh bergabung dengan mana-mana Pengendali takaful atau penanggung insurans yang lain untuk berbuat demikian; tetapi Pengendali Takaful tidak terikat untuk memulihkan semula secara tepat atau sepenuhnya, tetapi hanya setakat keadaan mengizinkan dan cara yang memadai, dan dalam apa jua keadaan Pengendali Takaful tidak terikat untuk membelanja lebih dalam pengembalian semula berbanding dengan kos memulihkan semula harta tersebut sebagaimana keadaan asalnya pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan, mahupun yang melebihi daripada jumlah dilindungi oleh Pengendali Takaful.

*The Takaful Operator may at its option reinstate or replace any property damaged or destroyed, or any part thereof, instead of paying the amount of the loss or damage, or may join with any other takaful operator or insurance company in so doing; but the Takaful Operator shall not be bound to reinstate exactly or completely, but only as circumstances permit and in reasonably sufficient manner, and in no*

*case shall the Takaful Operator be bound to expend more in reinstatement than it would have cost to reinstate such property as it was at the time of the occurrence of such loss or damage, nor more than the sum covered by the Takaful Operator thereon.*

Jika Pengendali Takaful memilih untuk membaik pulih atau mengganti mana-mana harta, Peserta hendaklah, atas pembiayaan sendiri, menyediakan kepada Pengendali Takaful pelan, spesifikasi, ukuran, kuantiti dan butir-butir lain yang berkenaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengendali Takaful, dan tidak ada suatu tindakan yang dilakukan, atau yang menyebabkan ianya dilakukan oleh Pengendali Takaful dengan tujuan untuk membaik pulih atau penggantian hendaklah dianggap suatu pilihan oleh Pengendali Takaful untuk membaik pulih atau menggantikan. Jika sekiranya Pengendali Takaful tidak dapat membaik pulih atau membaiki harta yang dengan ini dilindungi, oleh sebab peraturan mana-mana perbandaran atau peraturan lain yang berkuatkuasa yang menjejaskan penjajaran jalan, atau pembinaan bangunan, atau selainnya, Pengendali Takaful hendaklah, dalam setiap hal sedemikian, hanya bertanggung jawab untuk membayar jumlah berkenaan yang diperlukan bagi membaik pulih atau membaiki harta sedemikian sekiranya ia boleh secara sah dibaik pulih kepada keadaannya yang dahulu.

*If the Takaful Operator so elect to reinstate or replace any property, the Participant shall, at his own expense, furnish the Takaful Operator with such plans, specifications, measurements, quantities, and such other particulars as the Takaful Operator may require, and no acts done, or caused to be done by the Takaful Operator with a view to reinstatement or replacement shall be deemed an election by the Takaful Operator to reinstate or replace. If in any case the Takaful Operator shall be unable to reinstate or repair the property hereby covered, because of any municipal or other regulations in force affecting the alignment of streets, or the construction of buildings, or otherwise, the Takaful Operator shall, in every such case, only be liable to pay such sum as would be requisite to reinstate or repair such property if the same could lawfully be reinstated to its former condition.*

17. Jika berlaku suatu kerugian ke atas harta benda yang dilindungi (selain daripada stok dan butiran bangunan) dengan ini, pihak Pengendali Takaful hendaklah membayar pada nilai yang dilindungi atau pada nilai pasaran bagi harta benda yang dilindungi, yang mana lebih rendah, tertakluk kepada potongan ke atas apa-apa lebihan dan amaun yang mana Peserta dikehendaki menanggung di bawah Sijil ini. Bagi tujuan syarat ini, terma nilai pasaran hendaklah bermaksud nilai harta yang dengan ini dilindungi pada masa kerosakan atau kerugian tolak pertimbangan wajar kerana haus dan lusuh dan/atau susutnilai.

*In the event of a loss to the property covered (other than stock and building item) herein, the Takaful Operator shall pay the covered value or the market value of the covered property, whichever is the lower, subject to the deduction of any excess and amounts which the Participant is required to bear under the Certificate. For the purpose of this condition, the term market value shall mean the value of the property covered herein at the time of damage or loss less due allowance for wear and tear and/or depreciation.*

Nilai Pasaran harta benda yang dilindungi bagi tujuan syarat ini hendaklah ditentukan dengan mendapatkan suatu penilaian oleh Pengendali Takaful daripada pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi kos untuk menggantikan atau mengembalikan/memulihkan semula, tertakluk kepada aplikasi susutnilai yang wajar, ke atas harta dilindungi yang rosak atau hilang kepada keadaan sediakala/asal pada masa berlakunya kerosakan atau kehilangan sedemikian.

*The Market Value of the covered property shall for the purpose of this condition be determined by a valuation obtained by the Takaful Operator from the manufacturer, authorised sole agent or agent authorised broker, authorised distributor or building contractor of the cost of replacement or reinstatement, subject to the application of appropriate depreciation, of the covered property damaged or lost as it was at the time of the occurrence of such damage or loss.*

Jika berlaku keadaan di mana, pada masa kerosakan atau kerugian tiada pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi harta benda yang dilindungi, penilaian hendaklah diperolehi daripada Penyelaras Kerugian yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Estet 1981 dan yang dilantik secara bersama oleh kedua belah pihak. Penilaian bagi harta benda yang dilindungi oleh pembuat, ejen sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah, kontraktor bangunan, Penyelaras Kerugian didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Estet 1981 hendaklah dijadikan bukti muktamad di dalam hal nilai pasaran bagi harta benda yang dilindungi dalam mana-mana prosiding guaman terhadap Pengendali Takaful tersebut.

*In the event that there is, at the time of damage or loss no manufacturer, authorised sole agent or agent, authorised broker, authorised distributor or building contractor for the covered property, the valuation shall be obtained from a Loss Adjuster registered under the Islamic Financial Services Act 2013 or Registered Valuer under the Valuers, Appraisers and Estate Agents Act 1981 and to be mutually appointed by both parties. The valuation of the covered property by the manufacturer authorised sole agent or agent, authorised broker, authorised distributor, building contractor, Loss Adjuster registered under the Islamic Financial Services Act 2013 or Registered Valuer under the Valuers, Appraisers and Estate Agents Act 1981 shall be conclusive evidence in respect of the market value of the covered property in any legal proceedings against the Takaful Operator.*

18. Peserta hendaklah, di atas pembiayaan Pengendali Takaful, melakukan, dan bersetuju untuk melakukan, dan membenarkan supaya dilakukan, segala tindakan dan perkara berkenaan sebagaimana yang mungkin perlu atau secara yang berpatutan diperlukan oleh Pengendali Takaful bagi tujuan menguatkuasakan sebarang hak dan pembetulan, atau mendapatkan pelepasan atau indemniti daripada lain-lain pihak di mana Pengendali Takaful hendaklah atau akan berhak atau mengambil alih hak, apabila ia membayar bagi atau membuat bayaran apa-apa kerugian atau kerosakan di bawah Sijil ini, sama ada tindakan dan perkara sedemikian adalah atau menjadi perlu atau dikehendaki sebelum atau selepas penggantian rugi kepadanya oleh Pengendali Takaful.

*The Participant shall, at the expense of the Takaful Operator, do, and concur in doing, and permit to be done, all such acts and things as may be necessary or reasonably required by the Takaful Operator for the purpose of enforcing any rights and remedies, or of obtaining relief or indemnity from other parties to which the Takaful Operator shall be or would become entitled or subrogated, upon its paying for or making good any loss or damage under this Certificate, whether such acts and things shall be or become necessary or required before or after his indemnification by the Takaful Operator.*

19. Jika semasa berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta yang dengan ini dilindungi, terdapat apa-apa takaful atau insurans lain yang masih berkuatkuasa, sama ada dikuatkuasakan oleh Peserta atau oleh pihak lain, yang melindungi harta yang sama, Pengendali Takaful ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih daripada perkadaran setimpal bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

*If at the time of any loss or damage happening to any property hereby covered, there be any other subsisting takaful or insurance, whether effected by the Participant or by any other person or persons, covering the same property, this Takaful Operator shall not be liable to pay more than its rateable proportion of such loss or damage.*

20. Jika harta benda yang dilindungi, pada ketika berlakunya kebakaran, secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada jumlah yang dilindungi ke atasnya, maka Peserta hendaklah dianggap sebagai penanggung sendiri bagi perbezaan tersebut, dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut. Setiap butiran, jika lebih daripada satu, ke atas Sijil hendaklah tertakluk secara berasingan kepada Syarat ini.

*If the property hereby covered shall, at the breaking out of any fire, be collectively of greater value than the sum covered thereon, then the Participant shall be considered as bareable for the difference, and shall bear a rateable proportion of the loss accordingly. Every item, if more than one, of the Certificate shall be separately subject to this Condition.*

21. Sekiranya berlaku kerugian, Takaful di bawah ini hendaklah dikekalkan berkuatkuasa pada jumlah penuh yang dilindungi Peserta hendaklah bertanggungjawab untuk membuat caruman tambahan pada kadar yang dinyatakan pada Sijil ke atas amaun kerugian berasaskan kiraan pro rata dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamatnya tempoh Takaful semasa.  
*In the event of a loss, the Takaful hereunder shall be maintained in force for the full sum covered and the Participant shall be liable to make an additional contribution at the rate stated on the Certificate calculated on the amount of loss on a pro-rated basis from the date of such loss to the expiry of the current period of Takaful.*
22. Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai jumlah apa-apa kerugian atau kerosakan, pertelingkahan sedemikian hendaklah bebas daripada semua persoalan lain dirujukan kepada keputusan seorang Penimbang Tara, yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara, maka kepada keputusan dua orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbang Tara, yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa dua (2) bulan kalendar selepas diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi. Sekiranya salah satu pihak enggan atau gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan kalendar setelah menerima notis secara bertulis yang meminta satu perlantikan, pihak lagi satu adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal, dan sekiranya terdapat ketiadaan persetujuan antara Penimbang Tara, pertelingkahan tersebut hendaklah dirujuk untuk keputusan Wasit yang hendaklah dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum membuat rujukan, yang hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat tersebut. Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan hak atau kuasa Penimbang Tara atau Wasit, dan sekiranya berlaku kematian seseorang Penimbang Tara atau Wasit, seorang lagi hendaklah dalam setiap kes dilantik untuk menggantikannya oleh pihak tersebut atau Penimbang Tara (mengikut yang berkenaan) yang telah melantik Penimbang Tara atau Wasit yang mati itu. Kos rujukan dan penanugerahan hendaklah atas budi bicara Penimbang Tara atau Wasit yang membuat penganugerahan. Adalah dengan ini jelas dinyatakan dan diisytiharkan bahawa ianya hendaklah merupakan suatu syarat duluan terhadap apa jua hak tindakan atau guaman ke atas Sijil ini, bahawa penganugerahan oleh Penimbang Tara atau Wasit mengenai jumlah kerugian atau kerosakan jika dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.  
*If any difference arises as to the amount of any loss or damage such difference shall independently of all other questions be referred to the decision of an Arbitrator, to be appointed in writing by the parties in difference, or, if they cannot agree upon a single Arbitrator, to the decision of two disinterested persons as Arbitrators, of whom one shall be appointed in writing by each of the parties within two (2) calendar months after having been required so to do in writing by the other party. In case either party shall refuse or fail to appoint an Arbitrator within two (2) calendar months after receipt of notice in writing requiring an appointment, the other party shall be at liberty to appoint a sole Arbitrator; and in case of disagreement between the Arbitrators, the difference shall be referred to the decision of an Umpire who shall have been appointed by them in writing before entering on the reference, and who shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings. The death of any party shall not revoke or affect the authority or powers of the Arbitrator, Arbitrators or Umpire respectively; and in the event of the death of an Arbitrator or Umpire, another shall in each case be appointed in his stead by the party or Arbitrators (as the case may be) by whom the Arbitrator or Umpire so dying was appointed. The costs of the reference and of the award shall be in the discretion of the Arbitrator, Arbitrators or Umpire making the award. And it is hereby expressly stipulated and declared that it shall be a condition precedent to any right of action or suit upon this Certificate that the award by such Arbitrator, Arbitrators or Umpire of the amount of the loss or damage if disputed shall be first obtained.*
23. Dalam apa jua hal Pengendali Takaful tidak akan bertanggung jawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan selepas tamatnya dua belas (12) bulan dari berlakunya kerugian atau kerosakan kecuali tuntutan tersebut adalah merupakan suatu tindakan atau penimbangtaraan yang belum selesai.  
*In no case whatever shall the Takaful Operator be liable for any loss or damage after the expiration of twelve (12) months from the happening of the loss or damage unless the claim is the subject of pending action or arbitration.*
24. Setiap notis dan lain-lain komunikasi kepada Pengendali Takaful yang dikehendaki oleh Syarat ini mestilah secara bertulis atau bercetak.  
*Every notice and other communication to the Takaful Operator required by these Conditions must be written or printed.*
25. Syarat penting dan mutlak khusus bagi Sijil ini ialah bahawa caruman tertunggak mestilah dibayar dan diterima oleh Pengendali Takaful dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil / Pengendorsan / Sijil Pembaruan. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Sijil ini dibatalkan secara automatik dan Pengendali Takaful adalah berhak terhadap caruman pro-rata dalam tempoh mereka menanggung risiko. Sekiranya caruman yang perlu dibuat selaras dengan waranti ini diterima oleh ejen sah Pengendali Takaful, pembayaran hendaklah dianggap diterima oleh Pengendali Takaful untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab bahawa caruman yang dibuat telah diterima oleh wakil sah Pengendali Takaful, termasuk Ejen Pengendali Takaful, yang tidak diberi kuasa untuk menerima caruman tersebut, hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Pengendali Takaful. Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.  
*It is fundamental and absolute special condition of this Certificate that the contribution due must be made and received by the Takaful Operator within sixty (60) days from the inception date of this Certificate / Endorsement / Renewal Certificate. If this condition is not complied with then this Certificate is automatically cancelled and the Takaful Operator shall be entitled to the pro-rata contribution on the period they have been on risk. Where the contribution made pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the Takaful Operator, the contribution shall be deemed to be received by the Takaful Operator for the purposes of this warranty and the onus of proving that the contribution made was received by a Takaful Operator authorized representative, including a Takaful Agent, who was not authorized to receive such contribution shall lie on the Takaful Operator. Subject otherwise to the terms and conditions of this Certificate.*
26. Pengendali Takaful akan menguruskan caruman takaful Anda dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya ditempatkan ke dalam dana Takaful melalui satu akaun khas dikenali sebagai Akaun Pelaburan Risiko Am (APRA). Jika pada akhir tempoh Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual yang dilampirkan bersama Sijil, terdapat lebihan bersih di dalam APRA, lima puluh peratus (50%) daripada lebihan bersih tersebut akan dikongsi di bawah kontrak Hibah secara berkadar oleh Peserta-Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah kelas risiko yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut sementara Sijil tersebut berkuatkuasa.  
*Takaful Operator will manage Your takaful contributions by charging a Gross Wakalah Fee as approved by the regulatory authorities under the principle of Wakalah, and subsequently continue to be placed into Takaful fund through General Risk Investment Account (GRIA). If at end of the period of Takaful stated in the Schedule attached to the Certificate, there is a net surplus in the GRIA, fifty percent (50%) of the net surplus shall be shared under the contract of Hibah proportionately among Participants that have not incurred any claim and/or not received any benefits under the same class of risk as stated in the aforesaid Schedule whilst the Certificate is in force*



Semua peserta yang memperbaharui sijil selepas tamat tempoh dan tidak membuat sebarang tuntutan semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan.

*All retail participants who renew the certificate after expiry and have not incurred any claims during the previous coverage period are eligible for surplus distribution.*

Semua peserta korporat yang memperbaharui sijil selepas tamat tempoh dan tidak membuat tuntutan melebihi 30% daripada jumlah caruman semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan.

*All corporate participants who renew the certificate after expiry and have not incurred any claims more than 30% of gross contribution during the previous coverage period are eligible for surplus distribution.*

27. Sijil ini dan Jadual di dalam ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang makna khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadualnya hendaklah membawa makna sedemikian dimana ia tercatat. *This Certificate and the Schedule herein shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Certificate or of the said Schedule shall bear such meaning wherever it may appear.*

#### **NOTIS TAKAFUL-TAKAFUL YANG LAIN/ NOTICE OF OTHER TAKAFULS**

**Anda** dikehendaki memberitahu **Kami** tentang **Takaful** lain yang telah **Anda** beli ketika **Anda** membeli **Takaful** ini dan juga semasa tempoh perlindungan **Takaful** ini, yang melindungi mana-mana bahagian harta yang sama yang dilindungi di bawah **Sijil** ini.

*You must inform Us of any other takaful that You have subscribed at the time of participating this takaful, and also during the period of this takaful, covering any of the same property covered under this Certificate.*

#### **PENGURUSAN JUMLAH KECIL / TREATMENT OF SMALL AMOUNT**

Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika **Anda** membuat keputusan sebaliknya, **Anda** perlu mengemukakan permohonan formal kepada **Kami**.

**Kami** mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah **Kami**.

*Small Amount shall mean any amount below Ringgit Malaysia Ten (RM10) arises from contribution excess, cancellation, surplus distribution or claims that are to be made other than by way of electronic payment. The Small Amount shall be channeled to charity. However, if You decide otherwise, You are required to submit a formal request to Us.*

*We may review the applicability of the above stated small amount and any change to the amount will be subjected to Our Shariah Committee approval.*

#### **NOTIS PENTING DIGUNAPAKAI DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI SIJIL INI** **IMPORTANT NOTICES APPLICABLE TO AND FORM PART OF THIS CERTIFICATE**

#### **NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemrosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas **Kami/Zurich General Takaful Malaysia Berhad** (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). **Anda** boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi **anda**, mengehaskan pemrosesan data peribadi dan/atau under memilih keluar daripada penggunaan **Kami/Pengendali Takaful** pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **kami** dengan menghantar e-mel ke [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my).

Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.

Pemrosesan data peribadi **anda** tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi **Kami/Zurich General Takaful Malaysia Berhad**, seperti yang di terbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

#### **NOTICE UNDER PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 (PDPA)**

*The Personal Data Protection Act 2010 which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to Us/Zurich General Takaful Malaysia Berhad ("hereinafter referred to as "the Company"). You may make inquiries, complaints, request for access, update, correct or change any of your personal data, limit the processing of your personal data and/or to opt-out of Our/the Company use at any time hereafter by submitting such request to us by sending an email to [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my).*

*Requests for opt-out must state clearly the full name, identity document number, policy number, telephone number and address of the person making such request.*

*The processing of your personal data is subject to Our/Zurich General Takaful Malaysia Berhad's Personal Data Protection Notice as published on <https://www.zurich.com.my/pdpa>.*

#### **CUKAI / TAX PROVISION**

Semua caruman dan yuran di bawah Sijil ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan **Zurich General Takaful Malaysia Berhad** berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Peserta sebagai tambahan kepada caruman dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

*All contribution and fees that should be made under this Certificate may be subject to Tax. If Tax is imposed, it will be stated in the invoice and Zurich General Takaful Malaysia Berhad reserves the right to claim or collect the Tax from the Participant in addition to the contribution and/or fees that should be made under this Certificate.*

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

*Tax shall mean any present or future, direct or indirect, tax, levy or duty, including consumption tax or any tax of similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority.*

## **PENYELESAIAN PERTIKAIAN / DISPUTE RESOLUTION**

Untuk sebarang pertikaian anda boleh mendapatkan penimbangtaraan untuk kes anda. Anda boleh menghubungi :-  
*In the event of any dispute, you may seek arbitration for your case. You may contact :-*

- i) **Zurich General Takaful Malaysia Berhad**  
Level 23A, Mercu 3,  
No. 3, Jalan Bangsar,  
KL Eco City,  
59200 Kuala Lumpur.  
Malaysia  
Tel : 603-2109 6000  
Fax : 603-2109 6888  
Email: [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my)  
Website: [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)
- ii) **Ombudsman for Financial Services (OFS) (Formerly known as Financial Mediation Bureau)**  
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur.  
Tel : 603-2272 2811 Fax : 603-2272 1577  
Email : [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Website : [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)
- iii) **Contact Centre (BNMTELELINK)**  
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)  
Bank Negara Malaysia  
P.O.Box 10922,  
50929 Kuala Lumpur.  
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
Fax : 03-2174 1515  
Email : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**PENGENDORSAN, KLAUSA DAN WARANTI AKAN TERPAKAI PADA DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI SIJIL JIKA DISEBUTKAN SECARA KHUSUS DALAM JADUAL ATAU YANG DIENDORS PADANYA**  
**ENDORSEMENTS, CLAUSES AND WARRANTIES SHALL APPLY TO AND FORM PART OF THIS CERTIFICATE WHEN SPECIFICALLY MENTIONED IN THE SCHEDULE OR ENDORSED THERETO**

### **PENTING / IMPORTANT**

Peserta hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Peserta, Pengendali Takaful perlu diberitahu dengan serta-merta dan Sijil dikembalikan untuk diberi perhatian. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

*You shall read this Certificate carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with your wishes, advice should at once be given to us and the Certificate returned for attention.*

*The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Takaful Malaysia Berhad or PIDM (visit [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).*

### **Zurich General Takaful Malaysia Berhad**

No Pendaftaran. 201701045981 (1260157-U)  
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622  
[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

